

28/02/2003

Perubahan ke arah memartabatkan sekolah agama rakyat

Rasid Rahaman

PERUBAHAN adalah perkara yang kita alami setiap hari dan bukan sesuatu yang luar biasa. Ia adalah pergerakan, perpindahan atau peralihan dari satu keadaan kepada keadaan yang lain.

Perubahan juga membabitkan sesuatu yang dirancang atau tidak dirancang, tetapi memberi kesan terhadap kita.

Contoh perubahan yang memberi kesan terhadap individu, kumpulan, organisasi dan negara ialah perkembangan pesat teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang menyebabkan maklumat di mana saja di dunia diperoleh dengan cepat.

Begitu juga dengan kejayaan negara hari ini. Ia berubah kerana mempunyai seorang pemimpin yang mempunyai wawasan yang tahu untung atau rugi sesuatu perubahan yang dilakukannya itu.

Buktinya amat jelas apabila daripada sebuah negara yang tidak dikenali, kini Malaysia bukan saja dikenali, malah dihormati. Untuk menjadi Malaysia pada hari ini bukannya mudah kerana setiap kali perubahan yang dibawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pastinya mendapat tentangan.

Hanya selepas perubahan yang dilakukan itu dilalui, barulah seseorang itu dapat melihat kebaikan atau keburukannya.

Begitu juga apabila kerajaan menghentikan bantuan kepada sekolah agama rakyat (SAR) tahun lalu.

Tindakan itu diambil selepas mendapati kurikulum SAR sejak berpuluh tahun lalu tidak memberi jaminan masa depan kepada pelajarnya manakala guru pula berada dalam dilema kerana menerima gaji yang rendah sedangkan mereka mempunyai tanggungjawab berat kepada keluarga.

Pada mulanya ibu bapa agak terkejut dengan tindakan itu. Pelbagai dakwaan dibuat, antaranya menuduh kerajaan menentang pendidikan agama dan ingin menghapuskan sekolah agama.

Malah, parti pembangkang terus mengambil kesempatan apabila menimbulkan kekeliruan di kalangan masyarakat Islam berhubung isu itu.

Kini keadaan itu hampir reda apabila masyarakat Islam, terutama ibu bapa, menyedari perubahan yang dilakukan itu menguntungkan anak mereka keseluruhannya.

Mereka sedar kerajaan menghentikan bantuan itu kerana ingin membuat kajian ke arah memantapkan sistem pendidikan Islam, selaras dengan perkembangan globalisasi.

Yang pasti sekolah agama tidak ditutup, sebaliknya masih diteruskan seperti biasa di seluruh negara, malah dipertingkatkan pembangunan dan kemajuannya.

Contoh di Perak, kerajaan negeri masih menyalurkan bantuan kepada SAR di

negeri itu sebanyak RM1.5 juta tahun ini, begitu juga di Selangor dan Johor.

Cuma guru dan murid SAR terbabit diberi pilihan sama ada untuk terus kekal di SAR atau ke sekolah kebangsaan sementara menunggu Kementerian Pendidikan memperkenalkan satu sistem pendidikan agama yang akan diguna pakai di seluruh negara.

Komitmen yang diberikan kerajaan terhadap SAR dan gurunya itu membuktikan kerajaan sangat serius untuk memartabatkan kedudukan sekolah itu.

Tujuannya amat murni kerana menerusi langkah itu, SAR dan guru agama mendapat pembelaan sewajarnya, sekali gus meletakkan mereka pada tahap lebih baik.

Falsafah pendidikan negara amat jelas yang mana semua rakyat Malaysia berada dalam satu aliran pendidikan yang sama demi mengelakkan sebarang penyelewengan dari segi matlamat ke arah mewujudkan sebuah bangsa yang bersatu.

Sehubungan itu, Pas tidak wajar memanipulasi isu SAR dengan menyebarkan tohmahan seolah-olah kerajaan hendak menghapuskan sekolah itu.